

**Pembangking Bangkitkan Isu Sensitif, Tiada Modal Tangkis Fakta - Zahid Bernama**  
**8 April, 2012**

BAGAN DATOH, 8 April (Bernama) -- Pembangking akan terus perangkap pemimpin Umno dengan membangkitkan isu sensitif kerana mereka telah ketandusan modal untuk menangkis segala fakta yang dibangkitkan pemimpin Umno, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Oleh itu, beliau berkata pemimpin Umno di peringkat cawangan dan bahagian harus bersiap siaga dengan tindakan pihak pembangking itu yang menjerat rakyat agar tidak menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13.

"Jika Umno tidak menangkis segala tohmahan pembangking, ia dikhuatiri akan dapat mempengaruhi pemikiran rakyat dari peringkat akar umbi yang (pada mulanya) mempunyai kepercayaan terhadap kerajaan Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat berkelompok Persidangan Umno Cawangan Bahagian Bagan Datoh di sini.

Zahid yang juga Menteri Pertahanan berkata pembangking sebahagian besarnya gagal mengotakan manifesto yang dijanjikannya pada pilihan raya umum lalu.

"Pada pilihan raya umum lalu pembangking gagal laksana manifesto mereka. Iaitu berbeza dengan Barisan Nasional yang dapat melaksanakan manifestonya," kata beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657737>